

BAB DUA

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini akan memberikan fokus kepada beberapa kajian literatur yang berkaitan dengan kurikulum dan kurikulum tersembunyi. Tinjauan ini akan menjelaskan tentang maksud kurikulum dan juga maksud kurikulum tersembunyi. Bab ini juga akan menjelaskan kajian-kajian yang berkaitan dengan kurikulum tersembunyi bagi kajian luar negara. Setakat ini belum ada kajian mengenai kurikulum tersembunyi dijalankan di Malaysia.

2.2 Kurikulum

Berbagai-bagai tafsiran dan pengertian mengenai kurikulum telah dikemukakan. Menurut Oliver, (1960) dipetik oleh Brown et al (1980) mengatakan kurikulum adalah mencakupi semua pengalaman yang dialami oleh seseorang kanak-kanak (murid dan pelajar) yang diasuh dan dididik di sekolah, kesemua mata pelajaran atau kursus yang diajar di sekolah dan susunan yang terancang pada bahan ajaran dan aktiviti serta gerak kerja pada sesuatu mata pelajaran.

Menurut Gardon dan Brown (1989), selain daripada mata pelajaran yang diajar di sekolah. Kurikulum bolch juga ditakrifkan sebagai semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancang dan dilaksanakan di sekolah.

Pengertian kurikulum menurut Pendidikan Islam , Al-Toumy Al-Syaibany (1979) merujuk kepada kamus Bahasa Arab, dan mendapati kata-kata "Manhaj" paling sesuai untuk kurikulum. Istilah ini bermaksud jalan yang terang, yang dilalui oleh pendidik dengan orang-orang yang dididik atau dilatihnya untuk mengembangkan pengetahuan, kemahiran dan sikap anak didiknya.

Dalam konteks negara kita Malaysia, definisi kurikulum dirumus oleh Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran (1979) seperti berikut : " dalam laporan ini kurikulum bermaksud segala rancangan pendidikan yang dikendalikan oleh sesebuah sekolah ataupun sesebuah institusi pelajaran untuk mencapai matlamat pendidikan. Oleh itu kurikulum sekolah boleh dibahagikan kepada dua bahagian yang besar iaitu:

- a. Bahagian yang meliputi sukan pelajaran dan kandungan mata pelajaran serta segala kegiatan pengajaran dan pembelajaran, dan
- b. Bahagian yang mcliputi kegiatan pendidikan luar bilik darjah (ko-kurikulum) seperti kegiatan-kegiatan sukan, persatuan, pasukan scragam dan lain-lain.

Secara umumnya, definisi yang dikemukakan oleh pakar-pakar dalam bidang kurikulum, mempunyai satu unsur yang sama iaitu, bahawa kurikulum itu merupakan aktiviti-aktiviti dan pengalaman-pengalaman yang sengaja dirancang oleh pakar sekolah untuk mencapai objektif-objektif, sama ada aktiviti-aktiviti itu dijalankan dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah.

Namun, dalam persekolahan pelajar-pelajar bukan sahaja mempelajari perkara-perkara secara formal dan dirancang tetapi mereka juga mempelajari secara tidak formal atau secara tidak sengaja terdapat dalam kurikulum sekolah. Maka dengan itu wujudlah rangkaikata kurikulum tersembunyi (*the hidden curriculum*)

2.3 Konsep Dan Kajian Kurikulum Tersembunyi

Kurikulum tersembunyi boleh ditakrifkan sebagai menyediakan pengalaman pelajar yang tidak diduga yang timbul daripada sesuatu kurikulum, serta juga pengalaman yang timbul daripada beberapa situasi yang terdapat di sekolah. (Azizah Abdul Rahman, 1982)

Sungguhpun bahagian-bahagian tertentu dalam kurikulum tersembunyi tersebut mula-mula sekali diguna pakai pada lewat 60an, namun konsep tersebut telahpun digunakan lebih awal lagi. Menurut Eisner (1985) merujuk kepada hasil kerja Waller pada awal 30an dan Cornbleth (1984) mengingatkan kita kepada rujukan Dewey kepada pembelajaran tentang kelakuan yang berlaku di sekolah. Pembelajaran ini memberi kesan yang mendalam kepada pelajar berbanding kurikulum sekolah yang formal.

Terdapat berbagai nama diberi kepada kurikulum tersembunyi antaranya kurikulum yang tidak dikaji atau dipelajari, kurikulum dalaman, kurikulum yang tidak kelihatan, "covert curriculum", kurikulum terpendam, kurikulum bisu, hasil sampingan

persekolahan, dan apa yang dilakukan oleh pihak sekolah kepada orang ramai. (Combleth 1984, Dreeben 1968, Eisner 1985, Giroux and Purpel 1983, Hicks 1971, Kelly 1977, Martin 1976, Overly 1970, Vallance 1973-74).

Menurut Overly (1970) dan Vallance (1972) menyatakan kurikulum tersembunyi ini konsepnya sendiri semacam longgar yang mana ia jelas dalam bilangan libel-libel satelit yang melihat kepadanya. Ini termasuklah "unstudied curriculum", "covert" or "latent" curriculum, "non-academic outcomes of schooling", the "by-products of schooling", the "residue of schooling," or simply "what schooling does people"

Sharp dan Green (1975) menggunakan kurikulum tersembunyi untuk memberi maksud seperti suatu perspektif atau pandangan dunia. Kedua-dua tokoh ini tidak setuju tentang perkataan kurikulum tersembunyi. Baginya kurikulum tersembunyi tidak mempunyai kepentingan atau peranan dan tidak pernah wujud. Barrow (1976) tetap mengatakan yang idea kurikulum tersembunyi mempunyai sejarah yang direkodkan sejak zaman Plato. Bagi Vallance (1973) mempertikaikan tentang kurikulum tersembunyi, nampak jelas di awal lagi. Ia tersembunyi hanya bila sekolah sebagai institusi sosial mula berpaling dari kawalan beberapa kumpulan tertentu kepada kebijakan individu. Ini berlaku di Amerika Utara pada akhir abad 19.

Menurut Azizah Abdul Rahman (1982) dipadankan dari Jackson (1971) kurikulum tersembunyi itu tidak dirancang oleh pihak sekolah, tetapi ia tetap wujud sama seperti kurikulum formal yang juga merangkumi 3M, tetapi bukanlah 3M yang

melambangkan menulis, membaca, mengira tetapi dalam kurikulum tersembunyi, 3M itu melambangkan menerima, mematuhi dan menuruti iaitu perlakuan-perlakuan yang mesti dipelajari oleh murid-murid demi untuk mengurangkan masalah yang akan dihadapi oleh mereka dalam sekolah.

Penjelasan yang dikemukakan oleh Sockett (1976) tentang kurikulum tersembunyi adalah seperti berikut:

- a. Di tiap-tiap sekolah ada sejenis kurikulum yang dipunyaikan oleh murid-murid sahaja dan tidak rasmi. Ia meliputi berbagai aspek kehidupan murid-murid di sekolah, termasuklah bahasa dan pertuturan jenaka, permusuhan dan pertandingan antara mereka, sikap mereka terhadap pelajaran dan permainan dan sikap mereka terhadap guru.
- b. Terdapat perbezaan di antara apa yang guru ajarkan dengan apa yang sebenarnya dipelajari oleh murid-murid, ketika guru sedang mengajar sejarahumpamanya, ada murid yang belajar meneka sama ada guru itu dalam keadaan marah, ada yang mempelajari bagaimana cara menunjukkan minat walaupun sebenarnya ia bosan dan ada yang belajar menyukai pelajaran sejarah.
- c. Satu lagi pengertian tersembunyi dapat dilihat di mana seseorang guru itu mempunyai sikap atau nilai yang tersembunyi, katalah guru itu mempunyai sikap prasangka dan tiada toleransi terhadap kaum lain, ia sebenarnya tidak menunjukkan sikapnya itu secara terus terang kepada murid-murid, tetapi pemindahan sikapnya itu bolch berlaku apabila ia memberi contoh-contoh yang memperkecil-kecilkan kaum lain.

Menurut Vallance (1972) mencadangkan tiga dimensi kurikulum tersembunyi yang boleh dibaca dari berbagai label iaitu :

1. Kurikulum tersembunyi boleh dirujuk kepada mana-mana konteks persekolahan termasuklah unit interaksi pelajar-guru, struktur bilik darjah, keseluruhan corak/pattern pertumbuhan yayasan pendidikan sebagai "microcosm" dalam sistem nilai sosial.
2. Kurikulum tersembunyi boleh membawa bilangan proses yang dilaksanakan di dalam atau melalui sekolah, termasuk nilai dan pencapaian, sosialisasi, penyelenggaraan struktur bilik darjah.
3. Kurikulum Tersembunyi boleh merangkul darjah dan tujuan yang berbeza-beza, sedalam mana rasa tersembunyinya kurikulum tersebut oleh penyiasat, dikelompokkan daripada yang kecil-kecil dari perancangan "by-product" yang kurang penting kepada hasil yang lebih mendalam dalam fungsi sosial sejarah pendidikan.

Bagi Dreeben (1967,1968,1970) fokus ke atas 'apa yang dipelajari di sekolah' sebagai fungsi ke atas struktur sosial, bilik darjah dan guru melaksanakan kuasanya. Kohlberg (1970) mengenalpasti kurikulum tersembunyi sebagai di dalam mata pelajaran pendidikan moral dan bagaimana guru menggunakan dalam menentukan standard moral. Manakala Jackson (1968) mengkaji kurikulum tersembunyi pada peringkat sekolah menengah, iaitu bagaimana kurikulum formal daripada sekolah rendah, mempengaruhi sistem persekolahan pada peringkat sekolah menengah. Ianya dijelaskan berdasarkan tanggapan terakhir yang dianbil daripada persekitaran sekolah, "as though

by osmosis", Henry (1963) memberi perhatian kepada hubungan antara pelajar-guru, undang-undang yang mempengaruhinya dan peranan undang-undang ini dalam mendidik kepatuhan.

Pengkritik sosial seperti Illich (1971) menggunakan konsep kurikulum tersembunyi untuk mengenalpasti dan melaporkan kepada pihak sekolah untuk pengukuhan ke atas struktur bilik darjah bagi membentuk norma-norma sosial tertentu.

Bagi Vallance (1973) menjelaskan kurikulum tersembunyi, merujuk kepada perkara-perkara bukan akademik tetapi mempunyai kepentingan pendidikan perskolahan yang signifikan yang berlaku secara sistematik tetapi tidak didedahkan kepada umum untuk pendidikan. Idea kurikulum tersembunyi berfungsi secara berkesan sebagai alat untuk kenalpasti kesan sampingan perskolahan yang dapat dikesan tetapi tidak bolch dilaporkan sebagai rujukan kepada kurikulum eksplisit.

Kajian tentang kurikulum tersembunyi telah dilakukan oleh Page (1988), kajian ini bertujuan mencari fokus berbeza terhadap penyelidikan ke atas makna kurikulum. Tiga perkara utama menjadi perhatian pentafsir. (a) Dari perspektif calon sekolah, (b) Proses di mana makna dibentuk dan, (c) Konteks di mana makna dibentuk. Dari perspektif pentafsir, perbezaan kurikulum ialah budaya-sosial, proses politik di mana guru dan pelajar mendefinisikan tugas dan hubungan pengetahuan dalam bidang institusi tertentu. Hasil dari kajian ini telah mencadangkan perbezaan di sekolah menengah awam berlaku dalam darjah dan proses sama seperti masyarakat Amerika secara menyeluruh.

Kajian ini juga menunjukkan sama ada pelajar dan guru datang ke sekolah dengan pandangan berbeza dari segi pengetahuan.

Kurikulum tersembunyi yang dikaji oleh Gudmundsdottir (1990), menjelaskan Kurikulum tersembunyi ialah peranan nilai dalam kandungan pengetahuan pedagogi. Kajian dibuat dengan menggunakan temubual dan perhatian di bilik darjah dengan empat orang guru pakar sekolah menengah. Hasil daripada kajian ini mendapati orientasi nilai oleh guru-guru kepada subjek pengajaran mempengaruhi pilihan terhadap kandungan menggunakan buku teks, strategi pedagogi dan persepsi kehendak arahan pelajar.

Kajian seterusnya tentang kurikulum tersembunyi dilakukan oleh Ridell (1992) berkaitan dengan jantina dan politik dalam kurikulum. Kajian kes di dua buah sekolah menengah di England iaitu meneliti hubungan antara pilihan kurikulum dan identiti jantina di kalangan pelajar berumur empat belas tahun yang pertama kali membuat pilihan tentang apa yang hendak dicapai pada peringkat peperiksaan. Hasil daripada kajian ini telah mendedahkan dua cara proses iaitu : (a). Tentang keputusan pelajar terhadap apa yang perlu diberi perhatian dipengaruhi oleh bagaimana mereka melihat diri mereka dalam konteks jantina, dan (b). Kurikulum yang pernah dipilih untuk meneguhkan pemilihan perasaan tentang jantina.

Kajian oleh Wynne dan Ryan (1993) tentang "Curriculum as a moral Educator " bertujuan untuk menjelajah isu-isu tentang kurikulum sebagai pendidik moral dan

meneliti nilai moral dalam kurikulum tersembunyi. Hasil daripada kajian ini guru-guru boleh mencari alat-alat yang paling berpotensi untuk pendidikan moral di dalam bentuk dan intipati kurikulum.

Kajian oleh Yeal (1992) tentang " The Structuring of Conflict Events in An Urban High School ". Kajian ini bertujuan untuk memeriksa pengalaman hidup tentang konflik di kalangan pelajar-pelajar dalam kelas perubahan yang tidak hadir dalam jangkamasa panjang di Sekolah Tinggi Walker Hill, New York. Kajian ini merupakan kajian tentang asas interaksi simbolik iaitu kurikulum tersembunyi sekolah. Kajian ini dilakukan selama dua tahun di mana sebuah kelas diperhatikan oleh penilai dua kali seminggu. Data dikumpul dari temuramah, perhatian terhadap calon dan dokumen.

Hasil daripada kajian ini diperolehi tema kurikulum tersembunyi yang menonjol, ianya dikenal pasti melalui gambar konflik. Dengan memeriksa gambar konflik dengan detail dan mendapat patent interaksi sosial. Antara patent-patent interaksi sosial yang diperolehi ialah melawan adalah sebahagian daripada kehidupan harian pelajar.